

14 JAN 1997

BANTUAN KERAJAAN PAHANG BAGI MENJAYAKAN KOMPLEKS MEC

KUANTAN, 14 Jan (Bernama) -- Kerajaan Pahang hari ini memberi jaminan untuk menyalurkan segala bantuan yang diperlukan bagi memastikan pembinaan kompleks Malaysia Electric Corporation (MEC) di kawasan Perindustrian Gambang di sini berjalan lancar.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata jaminan itu dibuat bagi melihat MEC, iaitu pusat pengeluaran peralatan elektrik untuk keperluan rumah muncul sebagai suatu projek kebanggaan negara.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau kemajuan pembinaan di tapak projek di sini, beliau gembira dengan kemajuan projek yang dilaksanakan begitu cepat iaitu kira-kira tiga bulan lebih awal, sekaligus mencatatkan rekod dalam pembangunan industri di negeri ini.

"Kami berjanji akan mengatasi masalah seperti kelulusan dan sebagainya bagi membolehkan kilang ini beroperasi secepat mungkin," tambahnya.

Kompleks MEC terletak pada kawasan seluas 1,400 hektar berhampiran Lebu Raya Pantai Timur pada pelaburan kira-kira RM4,000 juta. Ia merupakan pusat sehenti pembeli-pembeli luar negara bagi peralatan elektrik rumah buatan Malaysia.

Khalil berkata kebimbangan awal mengenai bekalan tenaga bagi keperluan kilang itu kini dapat diatasi dengan pemasangan talian berdasarkan grid nasional oleh Tenaga Nasional Berhad dan bekalan daripada Pengeluar Kuasa Bebas (IPP) di Kertih, Terengganu.

Bekalan air kira-kira 10 juta gelen dijangka mencukupi dan bekalan air tetap juga akan disalurkan ke kompleks kilang itu dari Sungai Lepar yang tidak jauh dari situ, tambahnya.

Beliau berkata kerajaan negeri sudah mengenal pasti beberapa kawasan untuk menempatkan industri kecil dan sederhana yang akan menyokong pertumbuhan MEC kelak.

Mengenai lawatannya itu, beliau berkata satu laporan kemajuan projek akan disiapkan segera untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Katanya, Perdana Menteri sendiri akan menetapkan suatu tarikh yang sesuai bagi melawat ke projek itu selepas meneliti laporan berkenaan. --  
BERNAMA

ROS SIA